

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perkara yang berkaitan dengan harga komoditi sawit dan getah. Apakah ada usaha-usaha yang dilakukan untuk menstabilkan harga lantai bagi getah dan sawit, kerana harga getah dan sawit mengalami kejatuhan yang ketara, sehingga menghimpit kehidupan masyarakat peladang berterusan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga komoditi sawit dan getah bergantung kepada pelbagai faktor. Antaranya adalah senario pasaran harga di peringkat global yang turut dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi, permintaan, penawaran dan jumlah stok. Terbaru penularan wabak COVID-19 juga telah menjejaskan permintaan dan perdagangan komoditi sawit dan getah yang turut mempengaruhi kejatuhan harga. Dalam hal ini, antara langkah terkini yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam menstabilkan harga sawit dan getah adalah seperti berikut:

- i. memberikan pengecualian duti eksport minyak sawit mentah (CPO), minyak isirong sawit mentah (CPKO) dan minyak isirong sawit diproses (RBDPKO) sehingga 31 Disember 2020;
- ii. meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B20 (adunan 20% biodiesel sawit dan 80% diesel petroleum) bagi membantu meningkatkan penggunaan minyak sawit domestik;
- iii. meningkatkan kerjasama dengan negara-negara pengeluar utama getah iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). Kerjasama ini dijalankan untuk melaksana dan memantau pengurusan pengeluaran getah asli serta mengimbangkan penawaran dan permintaan getah di pasaran dunia melalui tiga mekanisme utama iaitu *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS), *Supply Management Scheme* (SMS) dan *Demand Promotion Scheme* (DPS);
- iv. meneroka pasaran baharu bagi komoditi sawit dan getah melalui aktiviti promosi dan pepadanan pasaran baharu dengan pengilang tempatan dan pembeli dari luar negara; dan
- v. menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara pengimport utama produk-produk sawit dan getah Malaysia bagi mendapatkan peluang pasaran yang lebih meluas di negara-negara tersebut.

Selain itu juga, antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk membantu pekebun kecil komoditi sawit dan getah adalah seperti berikut:

- i. menggalakkan pekebun kecil sawit menyertai Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Insentif sebanyak RM200,000 diberikan kepada setiap KPSM untuk menjalankan urus niaga jual beli buah tandan segar (BTS);
- ii. memperkenalkan Skim Pembiayaan Mudah (SPM) Tanpa Faedah sebagai modal pusingan berjumlah RM100,000 bagi meningkatkan urusan jual beli BTS daripada pekebun kecil di pusat timbang milik KPSM;
- iii. memperkenalkan Aplikasi RRIMniaga yang boleh digunakan oleh pelesen untuk merekodkan urus niaga getah bagi mempercepatkan proses permohonan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada Lembaga Getah Malaysia (LGM); dan
- iv. melaksanakan Mekanisme Penetapan Harga di Ladang dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urus niaga getah. Mekanisme ini dapat mengurangkan lapisan pembeli dan menawarkan harga *cuplump* pada purata RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah lain.

Berkaitan pertanyaan mengenai penetapan harga lantai, Kerajaan tidak ada perancangan untuk menetapkan harga lantai bagi komoditi sawit dan getah buat masa ini.

Sekian, terima kasih.